

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 NOVEMBER 2016



[FOTO BERNAMA]

*Najib dibawa melawat sekitar Masjid Dongzhimen selepas menunaikan solat Jumaat, semalam.*

## Najib solat Jumaat di Masjid Dongzhimen

BH - 5/11/2016

**Beijing:** Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam menunaikan solat Jumaat di sebuah daripada masjid terkenal dan tertua di Beijing,

Masjid Dongzhimen.

Najib yang sedang melakukan lawatan rasmi ke China sejak Isnin lalu, turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada

imam masjid itu, Wang Chong-en, selepas solat.

Menurut laporan, masjid itu asalnya dibina pada Dinasti Yuan (1271-1368), namun bangu-

nan yang ada sekarang dibina pada era Dinasti Qing (1644-1911) sebelum dibina semula dan dipindahkan ke Dongzhimenwai, Daerah Dongcheng.